

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 15 Julai 2022



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA BAGI PERANGKAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA MEI 2022

---

### **Pengeluaran getah asli Malaysia menurun 6.3 peratus pada Mei 2022**

PUTRAJAYA, 15 Julai 2022 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, Mei 2022**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Memetik kepada laporan, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, berkata, “Pengeluaran getah asli menurun 6.3 peratus pada bulan Mei 2022 (21,073 tan metrik) berbanding pada bulan April 2022 (22,498 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun turut menunjukkan penurunan 25.2 peratus (Mei 2021: 28,164 tan metrik). Beliau menambah, pengeluaran getah asli Malaysia pada Mei 2022 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (83.3%) berbanding sektor estet (16.7%).

Jumlah stok getah asli pada Mei 2022 menurun 2.8 peratus kepada 289,430 tan metrik berbanding 297,654 tan metrik pada April 2022. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 92.7 peratus diikuti kilang pengguna getah (7.2%) dan estet getah (0.1%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 43,197 tan metrik pada Mei 2022 menurun 26.3 peratus berbanding April 2022 (58,596 tan metrik). China terus kekal sebagai

destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu berjumlah 44.6 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Mei 2022 diikuti Amerika Syarikat (12.4%), Turki (4.5%), Brazil (4.4%) dan Finland (3.7%). Sebagai tambahan, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub, benang getah dan kondom. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM1.6 billion pada Mei 2022, menurun 30.0 peratus berbanding April 2022 (RM2.2 billion)".


Sentimen pasaran getah dunia disokong oleh unjuran bekalan getah asli yang lebih ketat, rangsangan ekonomi di China dan optimis terhadap perdagangan Amerika Syarikat-China. Selanjutnya didorong oleh kebimbangan inflasi, ketidaktentuan yang semakin meningkat mengenai kelembapan ekonomi global daripada dasar sifar COVID-19 di China, dan konflik berpanjangan Rusia-Ukraine seperti yang dilaporkan dalam Malaysian Rubber Board Digest yang diterbitkan pada Mei 2022.

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan peningkatan iaitu 0.6 peratus (Mei 2022: 670.69 sen sekilogram, April 2022: 666.47 sen sekilogram) manakala bagi jenis Sekerap menurun 3.5 peratus (Mei 2022: 565.84 sen sekilogram, April 2022: 586.65 sen sekilogram). Pergerakan harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula adalah dalam keadaan bercampur iaitu menurun antara 2.2 hingga 2.3 peratus serta meningkat 0.6 peratus. *World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) masing-masing menurun 5.0 peratus (daripada USD1.70/kg kepada USD1.62/kg) dan 1.7 peratus (daripada USD2.09/kg kepada USD2.06/kg).


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.

DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperolehi dari portal DOSM atau melalui pautan [https://bit.ly/PocketStatsS1\\_2022](https://bit.ly/PocketStatsS1_2022).

**Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli Mei 2021, April - Mei 2022 ('000 tan metrik)**



**Carta 2: Import dan eksport bagi getah asli Mei 2021, April - Mei 2022 ('000 tan metrik)**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**15 JULAI 2022**

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, July 15<sup>th</sup> 2022**



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT**  
**FOR MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA**  
**MAY 2022**

---

**Malaysia natural rubber production  
decreased by 6.3 per cent in May 2022**

PUTRAJAYA, 15 July 2022 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) today released **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, May 2022**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber estates.

Commenting on the report, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, said, "Natural rubber production decreased by 6.3 per cent in May 2022 (21,073 tonnes) as compared to April 2022 (22,498 tonnes). Year-on-year comparison also showed that the production of natural rubber decreased by 25.2 per cent (May 2021: 28,164 tonnes). He added, production of natural rubber in May 2022 for Malaysia was mainly contributed by smallholders sector (83.3%) as compared to estates sector (16.7%).

Total stocks of natural rubber in May 2022 decreased by 2.8 per cent to 289,430 tonnes as compared to 297,654 tonnes in April 2022. Rubber processors factory contributed 92.7 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (7.2%) and rubber estates (0.1%).

Exports of Malaysia's natural rubber amounted to 43,197 tonnes in May 2022, decreased 26.3 per cent as against April 2022 (58,596 tonnes). P.R. China remained as the main destination for natural rubber exports which accounted 44.6 per cent of total exports in

May 2022 followed by the United States of America (12.4%), Turkey (4.5%), Brazil (4.4%) and Finland (3.7%). In addition, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The exports performance was contributed by natural rubber-based product such as gloves, tyre, tube, rubber thread and condom. Gloves were the main exports of rubber-based products with a value of RM1.6 billion in May 2022, a decrease of 30.0 per cent as compared to April 2022 (RM2.2 billion)".


Global rubber market sentiment was supported by tighter natural rubber supply outlook, further economic stimulus in China and optimism surrounding United States-China trade front. Further gains were weighed by inflation anxieties, heightened uncertainty regarding global economic slowdown from China's zero COVID-19 policy, and persistent Russia-Ukraine conflict as reported in the Malaysian Rubber Board Digest published in May 2022.

Analysis of the average monthly price showed that Latex Concentrated recorded an increase of 0.6 per cent (May 2022: 670.69 sen per kg, April 2022: 666.47 sen per kg) while, for type of Scrap decreased by 3.5 per cent (May 2022: 565.84 sen per kg, April 2022: 586.65 sen per kg). The movement of prices for all Standard Malaysian Rubber (S.M.R) is mixed with a decline between 2.2 to 2.3 per cent and increase up to 0.6 per cent. World Bank Commodity Price Data reported prices for TSR 20 (Technically Specified Rubber) and SGP/MYS (Singapore/Malaysia) decreased 5.0 per cent (from USD1.70/kg to USD1.62/kg) and 1.7 per cent (from USD2.09/kg to USD2.06/kg) respectively.


The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1<sup>st</sup> January 2022 to 31<sup>st</sup> December 2022 and the Annual Economic Survey 2022 (AES 2022) from 15<sup>th</sup> April 2022 to 30<sup>th</sup> September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information.

DOSM also released economic and social statistics, namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics that can be obtained from the DOSM portal or via the link [https://bit.ly/PocketStatsQ1\\_2022](https://bit.ly/PocketStatsQ1_2022).

**Chart 1: Production and domestic consumption of natural rubber May 2021, April - May 2022  
(‘000 tonnes)**



**Chart 2: Imports and exports of natural rubber May 2021, April - May 2022  
(‘000 tonnes)**



*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA**

**15 JULY 2022**